

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.03.2015

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD
BAHARUDDIN SHAH [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI
KEWANGAN** menyatakan mengapakah pihak 1MDB terpaksa meminjam
RM2 bilion dari pihak individu tertentu swasta walaupun Timbalan Menteri
Kewangan menyatakan pada sesi Parlimen 2014 pelaburan di Cayman
Island hanya untuk jangka masa pendek sebelum ianya dibawa pulang ke
Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dana yang diuruskan

oleh pengurus dana yang berdaftar di bawah pengawasan badan kawal selia iaitu Cayman Monetary Authority telahpun ditebus sepenuhnya melalui dua *tranche*.

2. Penebusan *tranche* pertama USD1.215 bilion telah digunakan untuk membayar faedah hutang, *working capital* dan lain-lain komitmen yang berjadual manakala *tranche* kedua sebanyak USD1.103 bilion masih disimpan dalam bentuk mata wang asing dan akan digunakan untuk memenuhi pembayaran balik beberapa pinjaman dalam mata wang asing yang dijadualkan pada tahun ini.

SOALAN (31)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 MAC 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
[SILAM]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah pelaksanaan projek Perumahan *My Home* dan Projek Perumahan Rakyat PPR akan dilaksanakan di kawasan Lahad Datu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah meluluskan sebanyak 28 projek bagi 10,000 unit rumah di bawah Skim *MyHome* bagi seluruh Negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 198 unit rumah telah dibina di kawasan Lahad Datu dan status pelaksanaan projek adalah 70% siap.

Kementerian ini juga akan melaksanakan 1 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Lahad Datu melibatkan pembinaan 500 unit rumah. Projek ini telah diluluskan di dalam bajet 2015 dan akan dilaksanakan pada tahun ini.